



MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD


(No. Syarikat 902884V)

(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan))

NOTIS REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (902884-V) ("MRT Corp"), sebuah syarikat dibawah Kementerian Kewangan (Diperbadankan) berhasrat untuk menjemput para syarikat pembangunan hartanah yang berminat untuk menyertai RFP ini bagi tujuan cadangan pembangunan yang terletak di Stesen MRT Cochrane.

Syarikat-syarikat yang berpengalaman dalam pembangunan *high-rise mixed-development* digalakkan untuk mengambil bahagian.

TAJUK DAN NOMBOR RFP	HARGA DOKUMEN RFP	TAKLIMAT RFP
<p>REQUEST FOR PROPOSAL FOR THE SELECTION OF DEVELOPMENT PARTNER FOR THE PROPOSED DEVELOPMENT AT COCHRANE MRT STATION</p> <p>(RFP NO: RFP/PD/Q43-2023)</p>	<p>Dokumen RFP <i>Softcopy</i></p> <p>RM 500.00</p> <p>(Ringgit Malaysia: Lima Ratus sahaja)</p> <p>dalam bentuk</p> <p>Deraf Bank / Cek Bank</p> <p>Pembayaran kepada:-</p> <p>Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V)</p>	<p>Tarikh : Khamis, 17th Ogos 2023</p> <p>Masa : 11:00 pagi</p> <p>Melalui : Google Meet (atas talian)</p> <p>Semua syarikat yang berminat untuk menyertai dikehendaki mendaftar secara atas talian menerusi salah satu pautan di bawah:</p> <p>1. Laman Web MRT Corp www.mymrt.com.my ;</p> <p>2. Pautan https://forms.gle/FcQzFM6gqyVZtfQ79; dan</p> <p>3. Mengimbas kod QR yang disediakan.</p> <div style="text-align: center;">  </div> <p>Pendaftaran bermula pada Jumaat, 11th Ogos 2023.</p> <p>Hanya syarikat yang telah berdaftar akan menerima pautan untuk menyertai Taklimat RFP secara dalam talian melalui e-mel.</p>

Syarikat-syarikat yang berminat serta memenuhi syarat dan keperluan berikut dijemput untuk menyertai RFP ini:

SYARAT-SYARAT RFP	KEPERLUAN KEUPAYAAN TEKNIKAL	KEPERLUAN KAPASITI KEWANGAN
<p>a) Syarikat Tempatan</p> <p>Memiliki sijil pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang sah.</p> <p>b) Syarikat Asing</p> <p>i. Memiliki salinan Sijil Penubuhan Syarikat yang disahkan oleh notari di negara syarikat ditubuhkan.</p> <p>ii. Penyertaan syarikat asing adalah dibenarkan dengan membentuk Usahasama/ Konsortium bersama syarikat tempatan.</p>	<p>1. Syarikat-syarikat yang berminat telah berjaya menyiapkan projek pembangunan bercampur dalam tempoh 10 tahun yang lalu dengan Nilai Pembangunan Kasar setiap projek sebanyak RM250 juta dan keatas. Projek tersebut perlu merangkumi gabungan mana-mana komponen berikut:</p> <p>a) Kediaman/ Pangsapuri Servis</p> <p>b) Menara Pejabat</p> <p>c) Pusat beli-belah / bangunan kedai</p> <p>d) Hotel</p> <p>2. Syarikat-syarikat yang berminat haruslah terdiri daripada pemaaju yang aktif dan mempunyai pengalaman membangunkan projek di kawasan di bawah seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).</p> <p>3. Penyertaan syarikat-syarikat yang mempunyai pengalaman pembangunan berorientasikan transit amat digalakkan.</p>	<p>1. Dana Pemegang Saham (berdasarkan tahun kewangan terkini) tidak kurang daripada RM100 juta.</p> <p>2. Earnings before Interest, Tax, Depreciation and Amortisation (EBITDA) terkumpul bagi 5 tahun yang lepas adalah positif.</p> <p>3. Mempunyai keupayaan kewangan bagi membangunkan cadangan pembangunan ini tanpa perlu mencagarkan tanah tapak pembangunan ini bagi mendapatkan pembiayaan pembangunan.</p> <p>Nota: Bagi penyertaan secara Usahasama/ Konsortium, penilaian keupayaan kewangan adalah berdasarkan purata ekuiti dalam Usahasama/ Konsortium.</p>

Dokumen RFP boleh dibeli (melalui temujanji) dari **18th Ogos 2023** di pejabat seperti yang tertera di bawah:

TEMPAT JUALAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN RFP	WAKTU OPERASI KAUNTER TENDER
<p>MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD</p> <p>Jabatan Perolehan</p> <p>Tingkat 6, Menara I&P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia</p>	<p>Isnin hingga Khamis : 9:00 pagi – 12:30 tengahari and 2:00 petang – 5:00 petang</p> <p>Jumaat : 9:00 pagi – 12:00 tengahari and 3:00 petang – 5:00 petang</p>

RFP ini akan dikendalikan dalam **dua (2) bahagian**:

- Bahagian I (Pra-Kelayakan):** Penapisan bagi keupayaan pembida. Pembida TIDAK PERLU mengemukakan Tawaran Komersial atau Cadangan Pembangunan. Pembida yang Berjaya akan disenarai pendek untuk menyertai Bahagian II.
- Bahagian II (Cadangan Terperinci):** Pembida perlu mengemukakan perincian cadangan pembangunan beserta rancangan perniagaan termasuk Cadangan Pembangunan, Tawaran Komersial dan maklumat-maklumat lain berkaitan cadangan pembangunan ini.

Tarikh serahan bagi Dokumen RFP **Bahagian I (Pra-Kelayakan)** adalah pada **Rabu, 6th September 2023**. Dokumen RFP yang sudah lengkap hendaklah dihantar di dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan dengan jelas Tajuk RFP dan Nombor RFP di bahagian atas tengah sampul surat dan perlu diserahkan **tidak lewat dari jam 12:00 tengahari**. Sebarang penyerahan dokumen yang lewat akan dibatalkan penyertaannya.

Note:

- Pembida dibenarkan untuk menubuhkan Usahasama/ Konsortium tidak melebihi tiga (3) buah syarikat.
- Penyertaan secara Usahasama/Konsortium hendaklah disertakan dengan Perjanjian Usahasama/Konsortium atau *Memorandum of Understanding (MoU)* atau *Letter of Undertaking (LoU)* dan perjanjian tersebut perlu menyatakan rakan kongsi utama, penyertaan ekuiti bagi setiap rakan kongsi Usahasama/Konsortium dan mempunyai klausa yang menyatakan bahawa semua ahli Usahasama/ Konsortium adalah bertanggungjawab secara bersama (*Jointly and Severally Liable*) bagi Usahasama/Konsortium tersebut. Pembida tidak dibenarkan untuk menukar rakan kongsi Usahasama/ Konsortium selepas tarikh tutup RFP.
- Setiap Pembida dibenarkan untuk menyerahkan hanya satu (1) penyertaan RFP sahaja sama ada sebagai sebuah entiti tunggal atau Usahasama/ Konsortium. Pembida yang didapati menyertai lebih daripada satu (1) penyertaan RFP akan dibatalkan keseluruhan penyertaannya secara automatik.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan RFP ini hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar melalui e-mel kepada procurement.dev@mymrt.com.my. Untuk maklumat lanjut berkenaan MRT Corp, sila layari laman web di alamat www.mymrt.com.my.

www.mymrt.com.my